


**Keperibadian Tinggi Aset Peroleh Kejayaan-Tan Sri Syed**

Tan Sri Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim ketika menyampaikan Wacana Intelek di Pusat Persidangan Luar, UPM.

**SERDANG, 4 Dis** – Setiap pekerjaan harus disusuli dengan idea beras dan hasil yang inovatif dan kreatif daripada setiap pekerja demi menjamin keproduktifan perkhidmatan sesebuah organisasi, kata Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim.

Beliau yang juga Tokoh Akademik Negara 2007 berkata dalam sesebuah organisasi universiti, idea beras daripada staf sokongan dan pegawai boleh disarankan tanpa perlu menunggu arahan daripada naib canselor atau dekan.

“Setiap staf dalam sesebuah universiti perlu bijak membahagikan masa, sentiasa bermotivasi tinggi dan ada kesanggupan yang tinggi untuk belajar sepanjang masa,” katanya ketika menyampaikan Wacana Intelek bertajuk *Trials And Tribulations of An Excellent Academic* di UPM.

Program tersebut dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor dengan kerjasama Persatuan Pegawai Akademik UPM dan Pusat Pembangunan Akademik (CADe) UPM.

Tan Sri Syed berkata pelajar universiti turut berperanan penting dalam membina kejayaan sesebuah universiti dengan mempunyai ilmu yang cukup dan kemahiran tambahan untuk memperbaiki reputasi universiti dari semasa ke semasa.

“Untuk menjadi universiti bereputasi antarabangsa, UPM perlu memastikan kurikulum yang diperkenalkan sentiasa relevan agar dapat memasarkan graduan dalam sektor pekerjaan,” katanya.

Program yang dihadiri lebih 200 peserta itu bertujuan untuk berkongsi laluan kerjaya (*career path*) dan petua menjadi ahli akademik yang berjaya daripada Tokoh Akademik Negara 2007.

Jawatan pentadbiran beliau yang pernah disandang sehingga tamat perkhidmatan di UPM pada tahun 2001 ialah Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor dan Dekan Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Penternakan.



*Sebahagian peserta yang hadir.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia